

Dr Mahathir 'pandai berniaga'

BH 31/10/2003 - 44 PRECISE

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang yang tidak sombong ketika berjumpa teman lamanya walaupun dengan statusnya sebagai Perdana Menteri.

Malah, Dr Mahathir selalunya mengangkat tangan terlebih dulu apabila bertemu kawan lama dari Kampung Jalan Kilang Ais, kata Hamid Ibrahim, 73, pengusaha restoran Bunga Tanjung di Jalan Pegawai, Alor Star.



Hamid yang mengusahakan restoran itu hampir 55 tahun berkata, selain berkawan, Dr Mahathir juga adalah antara pelanggan utama di restorannya.

"Setiap minggu Dr Mahathir sekeluarga mengunjungi restoran saya untuk menjamu selera dan antara hidangan kegemarannya ialah sate, nasi goreng dan mi kuah.

"Sikap terpuji Dr Mahathir ialah beliau akan datang bersama keluarganya dan jarang datang seorang diri. Jika datang seorang, beliau akan cepat beredar dari situ," katanya.

Hamid berkata, Dr Mahathir adalah seorang yang sangat mementingkan masa kerana beliau tidak pernah menghabiskan banyak masa di restoran itu.

Beliau berkata,

walaupun Dr Mahathir nampak serius, di sebaliknya adalah seorang yang peramah dan periang.

"Tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa walaupun beliau seorang doktor, Dr Mahathir mempunyai pemikiran seorang ahli perniagaan.

"Ini bukan sesuatu yang memeranjatkan kerana pada zaman Jepun, Dr Mahathir ada berniaga di Pekan Rabu.

"Tidak hairanlah pada hari ini Dr Mahathir adalah seorang Perdana Menteri yang 'pandai berniaga' menyebabkan beliau dihormati dan dipandang tinggi dengan pencapaian yang membanggakan daripada segi ekonomi," katanya.


Hamid berkata, keluarganya juga selalu menerima rawatan di klinik Dr Mahathir kerana seperti kebanyakan orang, sikap Dr Mahathir yang pandai mengambil hati, turut menyebabkan kliniknya sering dikunjungi.

"Apa yang menyebabkan orang sering mendapat rawatan di kliniknya ialah beliau sanggup turun pada waktu malam untuk merawat pesakitnya tanpa kira di mana.

"Boleh dikatakan hampir semua anak lelaki saya berkhatahan dengan Dr Mahathir di kliniknya.

"Saya pernah mengajak mereka berkhatahan di hospital tetapi mereka menolak dengan alasan doktor di sana kasar dan garang," katanya.

Sebaliknya, Hamid berkata, anaknya lebih senang berkhatahan di Klinik Maha kerana Dr Mahathir tidak garang dan tidak sakit ketika menerima suntikan.



PEKAN Rabu pusat beli-belah yang menjadi tumpuan ramai di Alor Star.

PENGERUSI
Koperasi
Pekan Rabu
Alor Star
Berhad
Azmi
Shahab
menunjukkan
buku
pendaftaran
keahlian
ahli
koperasi
yang turut
mengandung
nama
Perdana
Menteri
sebagai ahli.

■ Tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa walaupun beliau seorang doktor, Dr Mahathir mempunyai pemikiran seorang ahli perniagaan:

Hamid Ibrahim